

**PERSEPSI TENTANG KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN BAHASA ARAB
DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**(PERCEPTION OF THE NEED AND IMPORTANCE OF ARABIC LANGUAGE IN
EARLY CHILDHOOD EDUCATION)**

Nor Syazwanie Mohamad Zamal*
Syarinah Mad Sehat
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Melaka

Restu Nabila
Fakultas Agama Islam
Universitas Islam Riau

Maizatul Akhmar Mat Yusoff
Fakulti Pengajian Islam Kontemporari
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

*Corresponding Author's Email: norsyazwanie@unimel.edu.my

Article History:

Received : 13 Mei 2024
Revised : 2 Oktober 2024
Published : 31 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Zamal, N. S. M., Sehat, S. M., Nabila, R., & Yusoff, M. A. M. (2024). PERSEPSI TENTANG KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN BAHASA ARAB DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 56-63.

ABSTRAK

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang kini ditekankan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Terdapat beberapa institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan kursus Pendidikan Awal Kanak-kanak menjadikan Bahasa Arab sebagai subjek wajib yang perlu diambil oleh pelajar dalam bidang ini. Universiti Islam Melaka (UNIMEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) merupakan antara IPTS yang mewajibkan subjek Bahasa Arab bagi semua pelajar mereka yang mengambil kursus pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini dilakukan untuk (1) mengetahui tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak dan (2) mengenal pasti tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dengan melibatkan seramai 123 orang pelajar praktikum UNIMEL dan 10 orang pelajar praktikum KIAS menggunakan borang soal selidik melalui aplikasi Google Form. Dapatan kajian menunjukkan tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak berada pada tahap yang 'tinggi' dengan skor min 3.98 dan sisihan piawai .52. Manakala tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min 3.96 dengan sisihan piawai 0.54. Hasil dapatan ini dapat memberi pendedahan kepada pendidik awal kanak-kanak dan premis pengajian sama ada awam atau swasta tentang kepentingan pengaplikasian Bahasa Arab dalam kursus pendidikan awal kanak-kanak.

Kata Kunci: Persepsi, Keperluan, Bahasa Arab, Pendidikan Awal Kanak-kanak

ABSTRACT

Arabic is one of the languages that is now emphasized in early childhood education. There are several public institutes of higher education (IPTA) and private institutes of higher education (IPTS) that offer Early Childhood Education courses making Arabic a compulsory subject for students in this field. Melaka Islamic University (UNIMEL) and Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS) are among the IPTS that require Arabic as a subject for all their students taking early childhood education courses. This study was conducted to (1) find out the level of Arabic language needs among early childhood educators and (2) identify the level of perception of the importance of learning Arabic for children. A survey research design was used involving a total of 123 UNIMEL practicum students and 10 KIAS practicum students using a questionnaire through the Google Form application. The findings of the study show that the level of Arabic language needs among early childhood educators is at a 'high' level with a mean score of 3.98 and a standard deviation of .52. While the level of perception of the importance of learning Arabic for children is at a high level with a mean score of 3.96 with a standard deviation of 0.54. The results of this finding can give exposure to early childhood educators and study premises whether public or private about the importance of applying Arabic in early childhood education courses.

Keywords: Perception, Needs, Arabic, Early Childhood Education

1.0 PENGENALAN

Bahasa ialah satu sistem komunikasi yang terdiri daripada bunyi, perkataan dan tatabahasa atau sistem komunikasi yang digunakan oleh orang di sesebuah lokasi atau sesuatu profesion, (Mahzan, 2022). Bahasa hanya dapat dikuasai oleh manusia menerusi alat pertuturan. Manusia diberikan keistimewaan mempunyai alat pertuturan yang paling canggih antara makhluk ciptaan tuhan di muka bumi ini. Antara alat yang paling penting ialah otak manusia yang dapat membezakan antara bunyi bahasa dengan bukan bahasa. Bagi penguasaan bahasa yang baik, pendedahan mengenai bahasa ini perlu diberikan sejak awal kanak-kanak lagi, malah ada yang mengatakan pendedahan bahasa ini perlu diberikan sejak bayi dalam kandungan lagi, (Avelar, 2021; Choiriyah et al., 2023; Pratomo & Muryanti, 2020). Hal ini menunjukkan pentingnya pendedahan awal terhadap penguasaan bahasa kepada kanak-kanak. Di Malaysia, terdapat beberapa bahasa yang menjadi bahasa utama dalam pendidikan seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Namun kini Bahasa Arab telah dijadikan antara bahasa penting yang diberikan tumpuan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Malah pengajaran Bahasa Arab dalam pendidikan awal kanak-kanak dikatakan semakin berkembang di Malaysia, (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018).

Kini terdapat institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus Bahasa Arab sebagai kursus elektif kepada pelajar, malah terdapat juga istitusi yang menjadikan kursus ini sebagai kursus wajib yang perlu diambil oleh pelajar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Universiti Islam Melaka (UNIMEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) merupakan antara institusi yang menawarkan kursus Bahasa Arab dalam bidang pengajian Pendidikan Awal Kanak-kanak. Kajian ini adalah bagi meninjau kepentingan Bahasa Arab dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak di UNIMEL dan KIAS. Terdapat dua persoalan kajian yang dikemukakan bagi menjalankan kajian ini. Berikut merupakan persoalan kajian ini:

- a) Apakah tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak?
- b) Apakah tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak?

2.0 PENYATAAN MASALAH

Kini, kemahiran mengajar Bahasa Arab dilihat sebagai satu keperluan dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak. Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan bahawa kursus bahasa Arab secara rasmi dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan Malaysia sebagai bahasa asing dan diajar ke sekolah-sekolah. Di peringkat prasekolah umpamanya, pengajaran Bahasa Arab telah diterapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). KSPK menekankan enam tunjang pembelajaran, salah satu tunjungnya adalah Tunjang kerohanian, sikap dan nilai menekankan penggunaan asas Bahasa Arab terhadap kanak-kanak iaitu “mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah”. Walaupun Bahasa Arab hanya diajar secara asas sahaja kepada kanak-kanak di peringkat prasekolah, guru atau pendidik awal kanak-kanak perlu mempunyai kemahiran asas Bahasa Arab untuk mengajarnya kepada kanak-kanak, (Iyul, 2024; Mohd Zaid et al., 2024; Muhammad Firdaus et al., 2021; Norfaezah, 2021). Hal ini kerana guru yang tidak mempunyai asas kemahiran ini akan mengalami kesukaran untuk mengajar Bahasa Arab kepada kanak-kanak, malah yang lebih teruk lagi jika mereka mengajar Bahasa Arab dalam konteks yang salah. Oleh itu pengetahuan asas dalam Bahasa Arab amat penting dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018; Mohd Zaid et al., 2024; Muhammad Firdaus et al., 2021).

Tidak dinafikan Malaysia mempunyai guru-guru yang boleh berbahasa arab dan berkelulusan dalam bidang pengajian Bahasa Arab, (Zaini et al., 2019). Namun guru pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam Bahasa Arab amatlah terhad, (Matlin et al., 2022; Muhammad Firdaus et al., 2021; Norfaezah, 2021). Hal ini kerana subjek Bahasa Arab bukanlah kursus wajib yang diambil bagi bidang pengajian Pendidikan Awal Kanak-kanak. Malah ianya hanyalah kursus elektif sahaja. Namun begitu kemahiran asas ini diperlukan oleh pendidik awal kanak-kanak kerana bagi mengajar asas Bahasa Arab sebagaimana keperluan pengajaran mengikut KSPK. Walaupun pengajaran Bahasa Arab hanyalah sedikit sahaja, pendidik awal kanak-kanak masih perlu mempunyai pengetahuan asas untuk mengajarnya, (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018; Muhammad Firdaus et al., 2021). Bagi pendidik yang beragama Islam mungkin kurang mengalami masalah untuk mengajar Bahasa Arab asas terhadap kanak-kanak, tetapi tidak bagi pendidik yang bukan Islam. Hal ini kerana mereka mungkin tidak pernah mengenali atau melihat huruf-huruf dalam Bahasa Arab ini, (Matlin et al., 2022; Zaini et al., 2019). Namun, bukan pendidik bukan Islam sahaja yang mengalami masalah untuk mengajarnya, malah pendidik beragama Islam turut mengalaminya jika mereka tidak diberikan pendedahan awal mengenai kaedah untuk mengajar asas bahasa Arab terhadap kanak-kanak di taska dan tadika serta prasekolah.

3.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan bagi mengetahui persepsi kepentingan Bahasa Arab dalam pendidikan awal kanak-kanak. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengumpulkan data dan disebarikan secara rawak mudah kepada pelajar-pelajar praktikum Universiti Islam Melaka (UNIMEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Sampel kajian melibatkan 123 orang pelajar praktikum UNIMEL dan 10 orang pelajar praktikum KIAS. Penggunaan instrument ‘Kepentingan Bahasa Arab dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak’ dalam kajian ini adalah adaptasi dari kajian Mohammad Taufiq dan Wan Ab Aziz (2018). Aplikasi *Google Form* digunakan dalam menghasilkan borang soal selidik dan disebarikan kepada responden menggunakan link aplikasi *Whatsapp*. Soal selidik menggunakan skala *likert* lima mata untuk mengukur tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak.

Interprestasi skor min adalah merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Nurul Aqidah dan Zainiah (2022) pada Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Nilai Skor Min

Min Skor	Ukuran Tahap
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Nurul Aqidah & Zainiah, 2022)

4.0 DAPATAN KAJIAN

Tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak

Apakah tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak? Merupakan soalan kajian pertama dihuraikan. Tahap analisis skor min pada Jadual 1 digunakan sebagai panduan. Bagi analisis objektif pertama, pengkaji mengenal pasti tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak. Secara keseluruhannya, analisis tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak berada pada tahap yang ‘tinggi’ dengan skor min 3.98 dan sisihan piawai .52. Item yang mempunyai nilai skor min tertinggi adalah pada item nombor 4, ‘Pendidik awal kanak-kanak yang mempunyai keupayaan berbilang bahasa (Bahasa Arab) merupakan satu kelebihan berbanding pendidik yang lain’ berada pada tahap interpretasi ‘sangat tinggi’ dengan nilai skor min 4.33. Manakala bagi item terendah pula terletak pada item nombor 3 iaitu ‘Pendidik awal kanak-kanak perlu mempunyai keupayaan berbilang bahasa’ yang berada pada tahap interpretasi ‘tinggi’ dengan nilai skor min 3.68. Dapatan bagi Tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak dijelaskan lagi secara terperinci pada Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Tahap Keperluan Bahasa Arab dalam Kalangan Pendidik Awal Kanak-Kanak

Bil	Item	Min (SP)	Interpretasi Tahap
1.	Bahasa Arab penting dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak.	4.07 (.69)	Tinggi
2.	Bahasa Arab perlu digunakan dalam PdPc (Pelaksanaan Pentaksiran Pembelajaran dan Pemudahcaraan) di taska/ tadika/ tabika/ prasekolah.	3.80 (.74)	Tinggi
3.	Pendidik awal kanak-kanak perlu mempunyai keupayaan berbilang bahasa.	3.68 (.77)	Tinggi
4.	Pendidik awal kanak-kanak yang mempunyai keupayaan berbilang bahasa (Bahasa Arab) merupakan satu kelebihan berbanding pendidik yang lain.	4.33 (.64)	Sangat Tinggi
5.	Menguasai bahasa Arab boleh meningkatkan peluang pekerjaan sebagai pendidik awal kanak-kanak di taska/ tadika/ tabika/ prasekolah.	4.04 (.84)	Tinggi
	Keseluruhan	3.98 (.53)	Tinggi

Tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak

Apakah tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak? Hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 3 menunjukkan secara keseluruhannya tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai

skor min 3.96 dengan sisihan piawai 0.54. Bagi analisis Jadual 3, item soalan yang berada pada tahap tertinggi adalah item nombor 10 iaitu ‘Penguasaan Bahasa Arab membolehkan anda berkomunikasi dengan pelajar lain dari negara Arab’ dengan skor min 4.35 berada pada tahap ‘Sangat Tinggi’ berpandukan tahap skor pada Jadual 1. Manakala item soalan yang berada pada tahap terendah adalah pada item nombor 6 iaitu ‘Bahasa Arab penting bagi penjagaan kanak-kanak’ dengan nilai skor min 3.67 berada pada tahap skor ‘Tinggi’. Keseluruhan item bagi tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak dijelaskan pada Jadual 3.

Jadual 3: Analisis Tahap Persepsi Kepentingan Pembelajaran Bahasa Arab terhadap Kanak-Kanak

Bil	Item	Min (SP)	Interpretasi Tahap
1.	Anda menyukai Bahasa Arab.	3.84 (.74)	Tinggi
2.	Bahasa Arab akan membantu anda untuk menjadi seorang yang lebih berilmu.	4.14 (.64)	Tinggi
3.	Mempelajari Bahasa Arab membantu anda memahami Pendidikan Islam dengan lebih mendalam.	4.22 (.66)	Sangat Tinggi
4.	Anda bersedia untuk mempelajari pembelajaran Bahasa Arab dengan lebih mendalam.	3.87 (.78)	Tinggi
5.	Pengetahuan Bahasa Arab akan membantu kerjaya masa depan anda.	4.01 (.69)	Tinggi
6.	Bahasa Arab penting bagi penjagaan kanak-kanak.	3.67 (.83)	Tinggi
7.	Bahasa Arab penting untuk kanak-kanak.	3.92 (.72)	Tinggi
8.	Tatabahasa Arab penting dalam bidang kerjaya anda.	3.74 (.76)	Tinggi
9.	Bahasa Arab akan berguna pada suatu hari nanti untuk mendapatkan pekerjaan.	3.88 (.80)	Tinggi
10.	Penguasaan Bahasa Arab membolehkan anda berkomunikasi dengan pelajar lain dari negara Arab.	4.35 (.63)	Sangat Tinggi
	Keseluruhan	3.96 (.54)	Tinggi

5.0 PERBINCANGAN

Tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak

Secara keseluruhannya, tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 3.98. Dapatan kajian tersebut menunjukkan pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) di UNIMEL dan KIAS yang telah menjalani latihan praktikum berpendapat keperluan kemahiran asas Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak adalah tinggi. Pelajar-pelajar ini telah menjalankan latihan praktikum di taska, tadika, tabika dan prasekolah selama 4 bulan. Dapatan ini menunjukkan pengetahuan asas Bahasa Arab penting digunakan di premis-premis ini. Malah dapatan ini menunjukkan pendidik awal kanak-kanak memerlukan pengetahuan asas ini bagi memenuhi keperluan pelaksanaan pembelajaran berpandukan Kurikulum PERMATA di taska dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) bagi di tadika/ tadika/ prasekolah. Dapatan ini bertepatan dengan kajian-kajian terdahulu yang dijalankan di Malaysia yang menyatakan pengetahuan asas Bahasa Arab penting dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak, (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018; Muhammad Firdaus et al., 2021; Norfaezah, 2021; Zaini et al., 2019).

Kajian Mohammad Taufiq dan Wan Ab Aziz (2018) menyatakan penguasaan asas Bahasa Arab perlu diperkasakan dalam pendidikan awal kanak-kanak bagi dijadikan sebagai nilai tambah kepada bakal-bakal pendidik awal kanak-kanak. Keperluan kepada pengetahuan ini dilihat sebagai keperluan kini bagi menjadi pendidik awal kanak-kanak yang kompeten. Namun, bagi melahirkan pendidik yang kompeten bukanlah suatu perkara yang mudah. Di Malaysia, kurang latihan, bahan dan kaedah pengajaran merupakan antara faktor yang menjadi penghalang seseorang pendidik atau guru menguasai kemahiran asas Bahasa Arab, (Zaini et al., 2019). Malah pendidik awal kanak-kanak sendiri mengalami kesukaran untuk mengajar Bahasa Arab asas kepada kanak-kanak. Tambahan pula bukan semua institusi yang menawarkan kursus Pendidikan Awal Kanak-kanak di peringkat diploma dan sarjana muda menjadikan Bahasa Arab sebagai subjek wajib yang perlu diambil oleh pelajar mereka. Oleh itu, situasi ini sememangnya menjadi kekangan kepada bakal-bakal guru dan pendidik untuk mengajar Bahasa Arab asas kepada kanak-kanak (Mohammad Taufiq & Wan Ab Aziz, 2018; Muhammad Firdaus et al., 2021; Zaini et al., 2019), walhal ianya merupakan keperluan kurikulum yang perlu diajar kepada kanak-kanak. Oleh itu tahap keperluan Bahasa Arab dalam kalangan pendidik awal kanak-kanak adalah penting bagi memastikan kurikulum KSPK dapat dilaksanakan dengan baik terhadap kanak-kanak.

Tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak

Dapatan kajian mencatatkan ‘Tahap persepsi kepentingan pembelajaran Bahasa Arab terhadap kanak-kanak’ berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan skor min 3.96. Dapatan ini menunjukkan kini pembelajaran Bahasa Arab merupakan merupakan elemen penting yang perlu diterapkan dan dilaksanakan dalam kalangan kanak-kanak, (A. Aziz et al., 2021; M. Aziz & Meitia, 2023; Darmawati et al., 2021; Zaini et al., 2019). Di Malaysia, semua premis swasta atau kerajaan di peringkat tadika, tabika atau prasekolah menggunakan asas kurikulum yang sama iaitu KSPK. Salah satu tunjang yang dijelaskan dalam KSPK menekankan penggunaan dan pengaplikasian Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun. Oleh itu pembelajaran Bahasa Arab ini perlu diberi penekanan walaupun diajarkan secara asas sahaja terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana tanpa pengetahuan dan asas yang kukuh, pendidik akan mengalami kesukaran untuk mengajarkan Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak di kelas, (M. Aziz & Meitia, 2023; Iyul, 2024; Zaini et al., 2019).

Bagi memastikan kanak-kanak menguasai Bahasa Arab atau mana-mana bahasa lain dengan mudah, kanak-kanak perlu diberikan pendedahan lebih awal, (Iyul, 2024; Muhammad Firdaus et al., 2021; Yang et al., 2021; Zainiah et al., 2021). Sebagai contohnya jika penerapan penggunaan Bahasa Arab bukan hanya dilaksanakan ketika kanak-kanak di peringkat tadika dan prasekolah sahaja, tetapi boleh diterapkan sejak kanak-kanak di taska lagi. Di taska, kanak-kanak boleh diajarkan doa-doa asas yang digunakan dalam kehidupan seharian seperti doa makan, doa naik kenderaan dan doa tidur. Pendedahan doa dalam Bahasa Arab ini akan membantu kanak-kanak menguasai asas Bahasa Arab dengan lebih baik pada peringkat tadika atau prasekolah serta peringkat yang lebih tinggi, (Darmawati et al., 2021; Matlin et al., 2022; Mohd Zaid et al., 2024; Nazilah et al., 2017; Norfaezah, 2021). Walaupun skor min dapatan kajian yang menjelaskan penggunaan Bahasa Arab bagi penjagaan kanak-kanak (di taska) paling rendah iaitu dengan nilai min 3.67 kerana para pendidik beranggapan Bahasa Arab tidak perlu diterapkan di peringkat taska, tetapi kajian terdahulu mencatatkan bagi penguasaan sesuatu bahasa yang baik dalam kalangan kanak-kanak perlu diterapkan sejak awal lagi malah ketika masih bayi, (Civil-Acosta, 2021; Juppri & Zainiah, 2016; Teale & Sulzby, 1986).

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan bagi mengetahui ‘Kepentingan Bahasa Arab dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak’. Hasil kajian menunjukkan analisis keperluan dan kepentingan Bahasa Arab dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah tinggi. Secara keseluruhannya, pelajar pratikum Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Islam Melaka (UNIMEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) berpendapat Bahasa Arab adalah penting digunakan dalam

pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini kerana pelajar-pelajar ini telah menjalani latihan praktikum mengajar di premis dan mengaplikasikan Bahasa Arab yang telah dipelajari mereka ketika di kolej dan universiti. Subjek Bahasa Arab yang telah dipelajari dalam kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak telah membantu mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran ketika latihan praktikum di premis taska, tadika dan prasekolah dijalankan, memandangkan Bahasa Arab adalah antara perkara yang ditekankan dalam kurikulum kanak-kanak.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menjalankan kajian ke atas kepentingan Bahasa Arab dalam kalangan kanak-kanak taska dan prasekolah. Pengkaji mungkin boleh menjalankan kajian ke atas guru-guru dan pendidik awal kanak-kanak yang telah berpengalaman berkhidmat dalam bidang ini. Malah kajian ini boleh dikeluarkan ke negeri-negeri seluruh Malaysia yang mengguna pakai kurikulum yang sama dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada pihak kementerian dan pihak universiti yang menawarkan kursus pendidikan awal kanak-kanak bagi menilai kerelevanan subjek Bahasa Arab dalam kursus pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini kerana bukan semua institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan kursus pendidikan awal kanak-kanak menjadikan subjek Bahasa Arab sebagai subjek wajib kursus. Oleh itu Bahasa Arab dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah penting diaplikasikannya.

Sumbangan Pengarang

Zamal, N. S. M., Sehat, S. M., Nabila, R., & Yusoff, M. A. M. Pengenalan, Method, draf awal, Perbincangan, semakan dan suntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Avelar, D. (2021). *Exploring The Role of Language, Home Literacy Environment, and Emotions During Parent-Childs Shared Reading Interactions* [University of Delaware]. In Thessiss Dissertation. <https://www.ptonline.com/articles/how-to-get-better-mfi-results>
- Aziz, A., Siti Khoirun, N., & Faisal, M. A. I. (2021). Acquisition of Arabic as A Second Language in Early Children In Islamic Kindergarten. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 8(2), 157–168. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.15408/a.v8i2.20595>
- Aziz, M., & Meitia, F. S. (2023). Pembelajaran Bahasa Arab Pada Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini Dan Al-Qur'an*, 2(1), 41–53. <https://doi.org/10.33511/ash-shobiy.v2n1.41-53>
- Choiriyah, Widiati, D. P., & Emiliana, W. (2023). The Role of Literacy in Increasing Children's Reading Interest in Early Childhood. *Indonesian Journal of Early Childhood Education Studies*, 12(2), 191–203. <https://doi.org/10.15294/ijeces.v12i2.73749>
- Civil-Acosta, D. (2021). Pre-Kindergarten and Kindergarten Teacher's Perception of Early Literacy Skills and The Effectiveness on Reading Literacy. In *Saint Peter's University*.
- Darmawati, Ambo, D., Fikri, H. A., & Abdul Aziz, M. (2021). Arabic Learning Strategy In Early Childhood. *Jurnal Ilmiah Potensia*, 6(1), 11–16. <https://ejournal.unib.ac.id/index.php/potensia>
- Iyul, J. (2024). Peran Penting Metode Bimbingan Belajar Dalam Meningkatkan Kemampuan Bahasa Arab Pada Anak. *Proceedings Uin Sunan Gunung Djati Bandung*, 4(8), 59–66.
- Juppri, B., & Zainiah, M. I. (2016). The Development of Early Literacy Module for Children's Nurseries. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5, 30–48. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/855>
- Mahzan, A. (2022). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-Kanak (Teori dan Amali)* (Fifth Ed.). Universiti

Pendidikan Sultan Idris.

- Matlin, M., Baharudin, H., Yusoff, N. M. R. N., Surat, S., Ismail, Z., & Sintian, M. (2022). Analysis of Pictorial Analogy Needs for Continuous Arabic Consonant Recognition among Kadazandusun Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 618–629. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i8/14567>
- Mohammad Taufiq, A. G., & Wan Ab Aziz, W. D. (2018). Bahasa Arab Untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 2018(7), 70–82.
- Mohd Zaid, I., Saipolbahrin, R., & Salmiza, A. R. (2024). Isu dan Cabaran dalam Pengajaran Bahasa Arab dan Hafazan Al-Quran Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Al-Sirat*, 24(1), 95–103.
- Muhammad Firdaus, A. M., Muhammad Zaid, S. K., Mohamad Redha, M., & Iman, M. I. (2021). Penerapan Bahasa Arab dalam Kurikulum Kanak-Kanak di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 13–19. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/94>
- Nazilah, M., Siti Zanariah, Y., Nor Hafizah, A., & Sharipah Nur Mursalina, S. A. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Tinjauan Awal Peringkat Sekolah Rendah Terengganu. *Seminar Kebangsaan Bahasa Dan Kesusasteraan Arab 2017, October*, 948–955.
- Norfaezah, M. H. (2021). Basic Model of Arabic Speaking for Preschool Children (Q-Nutqi). *Proceeding of International Conference on Islamic Education*, 42–59. <https://doi.org/10.51425/icie.vi.28>
- Nurul Aqidah, R., & Zainiah, M. I. (2022). Hubungan Antara Amalan Penggunaan Cetakan Persekitaran dengan Pengecaman Nama dalam Kalangan Kanak-kanak Berumur Tiga Tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 1–12. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.1.2022>
- Pratomo, H. T. A., & Muryanti, M. (2020). Peran Orang Tua Dalam Perkembangan Ketrampilan Awal Literasi Anak. *Interest : Jurnal Ilmu Kesehatan*, 9(2), 192–200. <https://doi.org/10.37341/interest.v9i2.251>
- Teale, W. H., & Sulzby, E. (1986). *Emergent Literacy: Writing and Reading. Writing Research: Multidisciplinary Inquiries into the Nature of Writing Series*. Ablex Publishing Corporation.
- Yang, N., Shi, J., Lu, J., & Huang, Y. (2021). Language Development in Early Childhood: Quality of Teacher-Child Interaction and Children's Receptive Vocabulary Competency. *Frontiers in Psychology*, 12(July), 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.649680>
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Redzaudin, M., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia : Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- Zainiah, M. I., Mazlina, C. M., Iylia Dayana, S., Juppri, B., & Grace, A. G. P. (2021). Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 27–34.